



BADMINTON

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 21 mata atau (*Rally Point Scoring System*) (3x21).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang Inggeris akan dipatuhi.

2.0 PENDAFTARAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

2.1 Pertandingan Berpasukan

2.1.1

BILANGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA
MINIMUM	7	7
MAKSIMUM	9	9

2.1.2 Seorang pemain dibenarkan hanya bermain dalam satu acara sahaja dalam sesuatu perlawanan (*tie*).

2.1.3 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan (*tie*) adalah seperti berikut:-

- 2.1.3.1 Perseorangan Pertama
- 2.1.3.2 Bergu Pertama
- 2.1.3.3 Perseorangan Kedua
- 2.1.3.4 Bergu Kedua
- 2.1.3.5 Perseorangan Ketiga

2.1.4 Senarai nama mengikut susunan perlawanan hendaklah diserahkan kepada Referi Kehormat 15 minit sebelum sesuatu pertandingan (*tie*) dimulakan.

2.1.5 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu pertandingan dimulakan.

3.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (9.0)

4.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN PERLAWANAN

4.1 Pemberian mata:

Menang – 3 mata. Kalah - 1 mata

4.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

4.2.1 Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (*matches difference*).

4.2.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira menang (*games difference*).

4.2.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang (*points difference*).

4.2.4 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.

5.0 KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

5.1 Hanya 5 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

6.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (13.0)

7.0 PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

7.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (21.0)